

Fenomena Ayunan Madden-Julian punca hujan berlebihan

KUALA LUMPUR – Pakar-pakar menyifatkan, keadaan hujan berlebihan sejak kebela-kangan ini khususnya di Lembah Klang berpunca daripada kesan fenomena Ayunan Madden-Julian (MJO).

Pakar Klimatologi dan Oseanografi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Fredolin Tangang berkata, negara ketika ini memasuki musim Monsun Barat Daya dan sepatutnya

cuaca sepanjang bulan ini adalah panas dan kering.

“Fenomena MJO adalah sebahagian daripada keragaman iklim antara musim di kawasan tropika yang berayun dengan kekerapan sekali dalam 20 hingga 60 hari yang berlaku dalam lapan fasa.

“MJO berlaku akibat interaksi lautan dan atmosfera menyebabkan kemunculan sistem perolakan atmosfera berskala be-

sar di bahagian barat Lautan Hindi yang bergerak ke timur Lautan Pasifik merentasi kawasan Malaysia dan Indonesia,” kata beliau di sini semalam.

Dalam pada itu, Fredolin berkata, melalui kajian yang dilakukan, musim Monsun Barat Daya antara bulan Jun hingga Ogos akan meningkatkan curahan hujan di kawasan pantai barat Semenanjung berbanding di kawasan pantai timur.

Beliau berkata, berdasarkan laporan Pusat Ramalan Iklim

Pentadbiran Lautan dan Atmosfera Kebangsaan (NOAA) Amerika Syarikat, MJO muncul di Lautan Hindi dengan peningkatan perolakan atmosfera berskala besar pada minggu pertama bulan ini dan kini berada dalam Fasa 3.

“Keadaan ini menyebabkan curahan kadar hujan tinggi yang dialami ketika ini adalah menyamai keadaan pada bulan April hingga Mei dengan kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia biasanya mengalami hujan pada sebelah petang hingga lewat malam,”

kata beliau.

Sementara itu, ibu negara pada pukul 6 petang semalam dilanda hujan lebat menyebabkan tiga jalan utama terjejas dinaiki air.

Ketua Pusat Pergerakan Operasi Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Samsol Maarif Saibani berkata, jalan berkenaan ialah Jalan Raja Chulan, Jalan Kelapa Muda dan Jalan Duta.

Hujan lebat selama setengah jam itu menyebabkan jalan-jalan itu ditenggelami air sedalam satu meter.

